

Menyelusuri Filem Melayu dengan Subjek Sastera Melayu

Tracing Malay Films with Malay Literary Subject

NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH^{1*}, SITI NUR IZRA SAFRA' ABD HALIM¹ & FATIMAH MUHD SHUKRI²

¹*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan,*

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, Malaysia

²*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,*

Universiti Malaysia Kelantan, 16100, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding author: nurafifah@ukm.edu.my

Received: 05 September 2023 Accepted: 10 May 2024

Abstrak

Bahan sastera Melayu telah diangkat sebagai subjek naratif filem Melayu sejak tahun 1956. Namun begitu, terdapat jurang ilmu yang ketara berhubung korpus ilmu tentang kemunculan dan perkembangan karya sastera Melayu sebagai naratif filem Melayu. Justeru itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan, 'apakah bentuk genre karya sastera Melayu dan bila ia diangkat sebagai subjek filem Melayu? Artikel ini bersandarkan data daripada penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif, dan pendekatan historikal sebagai kerangkanya. Kajian ini mengaplikasi kaedah analisis kandungan bagi meneliti bahan dalam bentuk cetak serta digital. Bahan utama adalah filem-filem sastera Melayu untuk memperolehi data berhubung naratif sastera dalam filem-filem Melayu, selain laman web FINAS, surat khabar dan dokumentasi ilmiah yang lepas. Artikel ini merakamkan bahawa sejak tahun 1956, pelbagai genre sastera telah diangkat sebagai subjek filem Melayu, antaranya adalah genre sastera lisan, novel tersohor dan novel popular. Filem Melayu pertama yang mengangkat sastera sebagai naratif penceritaan adalah filem Hikayat Hang Tuah¹. Filem dengan subjek sastera telah diangkat oleh pengarah dari negara India dan Melayu pada era perkembangan awal filem Melayu di Singapura. Kemunculan pengarah filem Melayu kemudiannya pula menghasilkan lima buah filem hikayat, manakala filem Melayu yang mengangkat novel pula bermula sekitar tahun 1980-an. Dapatan kajian juga mengesahkan bahawa kebanyakan filem Melayu yang mengangkat subjek sastera sama ada meraih kemenangan dalam pertandingan filem dalam negara mahupun antarabangsa, selain meraih kutipan tiket yang cemerlang pada waktu ia ditayangkan.

Kata kunci: Filem Melayu; Industri Filem; Naratif; Sastera; Sejarah

Abstract

Malay literary materials had been transformed into narratives of Malay films since 1956. Nevertheless, there is an obvious knowledge gap that needs to be addressed immediately in the context of the emergence and development of Malay literary works as narratives of Malay films. Thus, this article aims to provide answers to the question of "what are the Malay literary genres and when was it made into Malay film narrative? This article is based on data gained from a fundamental research type with a qualitative research design, employing a historical approach as its framework. Content analysis was carried out on printed and digital research materials. The main research materials are Malay films to extract data on Malay literary narrative subjects, besides website of FINAS, newspapers and

previous academic documentations. This article documents that various Malay literary genres such as oral literature, prolific and popular novels have been made subject of Malay films since 1956. The first Malay film to have Malay literature as its narrative is *Hikayat Hang Tuah*². Malay films with Malay literature as its narrative have been made by Indian and Malay film directors during the early development of Malay films in Singapore. The Malay directors made five other movies that was based on Malay hikayat, while Malay novels were only made film since the 1980s. The findings also prove that many Malay films with Malay literature narratives had won numerous acknowledgements through film festivals local and internationally, as well as made box office sales.

Keywords: Malay Film; Film Industry; Narrative; Literature; History

Pengenalan

Catatan sejarah merekodkan bahawa karya sastera sudah lama diangkat sebagai naratif filem. Ia bermula seawal tahun 1895 apabila Louis Lumière seorang pengarah filem dari Perancis telah mengarahkan sebuah filem berjudul *L'arroseur arrosé (The Waterer Watered)*. Filem ini diadaptasi daripada sebuah buku komik ilustrasi oleh Christophe pada tahun 1889. Di Amerika, filem adaptasi bermula pada awal abad ke-19 dengan ditandai oleh dua buah filem terawal iaitu *The Great Train Robbery*³ dan *Dream of a Rarebit Fiend*⁴ kedua-duanya diarahkan oleh Edwin S. Porter.⁵

Sedikit pengenalan awal tentang adaptasi bahan sastera ke bentuk filem. Pengadaptasian bahan sastera dalam bentuk filem berlaku sebelum pembentukan negara Malaysia. Sebelum 31 Ogos 1956, Malaysia dikenali sebagai Tanah Melayu atau Malaya dan filem adaptasi pertama dihasilkan di Tanah Melayu adalah *Laila Majnun*. Filem ini diterbitkan pada tahun 1933 yang diadaptasi dari sebuah cerita rakyat dari Parsi. Filem ini dibintangi oleh barisan pelakon teater Bangsawan Melayu antaranya Marzuki Nordin, Fatimah Jasmin dan Syed Ali Mansoor Al Attas. Pengarahnya pula adalah orang luar dari India iaitu B. S. Rajhans dan diterbitkan oleh *Motilal Chemical Company*.⁶ Walaupun *Laila Majnun* dihasilkan dalam bahasa Melayu dan menggunakan pelakon-pelakon Melayu, namun, bahan sastera yang diangkat dalam naratif filem tersebut bukanlah bahan sastera Melayu. Oleh itu, bilakah karya sastera Melayu diangkat sebagai naratif penceritaan bagi filem Melayu?

Pada tahun 1956 merupakan permulaan penggunaan bahan sastera Melayu yang diangkat sebagai subjek naratif filem Melayu. Permulaan ini ditandai dengan filem *Hang Tuah*⁷ sebuah filem arahan Phani Majumdar dan telah diterbitkan oleh syarikat *Malay Film Production*. Filem *Hang Tuah* ini berdasarkan legenda dan epik kepahlawanan seorang pahlawan Melayu bernama *Hang Tuah*.⁸ Namun, kurang dapat dipastikan samada filem *Hang Tuah* arahan Phani Majumdar ini berdasarkan sumber yang terdapat dalam manuskrip *Hikayat Hang Tuah* yang dipercayai mula ditulis sekitar abad ke-17 atau filem ini dihasilkan berdasarkan cerita mulut ke mulut yang diturunkan oleh masyarakat setempat.⁹

Selepas kejayaan filem *Hang Tuah*, semakin banyak bahan sastera telah diangkat sebagai naratif filem Melayu. Dari tahun 1956 hingga 1970-an menyaksikan pelbagai genre sastera telah diangkat sebagai naratif filem Melayu. Bahan sastera seperti hikayat, legenda, cerita rakyat, cerita dongeng dan mitos menjadi satu arus baharu dalam pembikinan filem Melayu. Antara filem yang dihasilkan adalah *Selendang Delima*¹⁰ berdasarkan *Hikayat Selendang Delima* terbitan oleh Cathay Keris dan diarahkan oleh K.M. Basker.

Selang beberapa tahun kemudian, beberapa lagi karya hikayat telah diadaptasi ke dalam bentuk filem antaranya *Sultan Mahmood Mangkat Dijulang*,¹¹ *Dang Anum*¹² dan *Tun Fatimah*.¹³ Selepas kemunculan filem-filem hikayat, filem yang diadaptasi dari bahan sastera lain turut diangkat dalam bentuk filem iaitu sastera lisan atau cerita rakyat atau cerita legenda. Antara filem yang

diterbitkan dari kisah-kisah lagenda atau cerita rakyat ini ialah *Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Mahsuri*. Kedua-duanya diterbitkan pada tahun 1959. Filem *Batu Belah Batu Bertangkup* diarahkan oleh Jamil Sulong dan diedarkan oleh Syarikat Shaw Brothers. Filem *Mahsuri* pula diarahkan oleh B. N. Rao dan diterbitkan oleh Cathay Keris Film Productions. Selain dua buah filem ini, banyak lagi filem-filem dari bahan sastera cerita rakyat, lagenda dan cerita dongeng dihasilkan.

Sejak tahun 1980-an pula, bahan sastera berbentuk novel pula telah diangkat sebagai naratif filem Melayu. Novel pertama yang telah diadaptasi dalam bentuk filem adalah *Ranjau Sepanjang Jalan*¹⁴ karya Sasterawan Negara iaitu Shahnnon Ahmad. Novel yang diadaptasi dalam bentuk filem ini telah dikekalkan dengan nama yang sama. Filem *Ranjau Sepanjang Jalan*¹⁵ diarahkan oleh pengarah Melayu iaitu Jamil Sulong. Selain itu, filem *Ranjau Sepanjang Jalan* ini turut memenangi empat anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-4 pada tahun 1983. Anugerah-anugerah yang berjaya diraih oleh filem ini adalah dalam kategori Filem Terbaik, kategori Lakon Layar Terbaik, kategori Musik Terbaik dan kategori Pengarah Seni Terbaik.¹⁶

Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang ilmu yang nyata dan yang perlu ditangani segera dalam konteks kemunculan dan perkembangan karya sastera Melayu sebagai naratif filem Melayu. Justeru itu, artikel ini menjawab persoalan, ‘apakah bentuk genre karya sastera, dan bila ia diangkat sebagai naratif dalam filem Melayu?’.

Sorotan Kajian

Bahagian ini adalah perbincangan sorotan kajian lepas. Penulisan-penulisan terdahulu yang memberi fokus kepada kajian sastera, sastera dalam filem, drama, teater pementasan dan juga perkembangan sastera dalam industri perfileman Melayu, serta perkembangan filem Melayu dan Malaysia dibincangkan dalam kajian ini. Justeru itu, terdapat sepuluh buah penulisan yang membincangkan skop kajian di atas. Penulisan-penulisan tersebut kesemuanya adalah dalam bentuk artikel jurnal dan satu daripadanya adalah e-proceeding. Sehubungan dengan itu, tujuh buah penulisan ini dibahagikan dalam dua kategori iaitu perbincangan mengenai perkembangan sastera dan filem Melayu dan Malaysia, dan bahan sastera sebagai naratif penceritaan dan pementasan. Dua subtopik ini akan diperincikan di bawah.

Perkembangan Sastera dan Filem Melayu dan Malaysia

Terdapat dua penulisan mengenai perkembangan sastera yang dikupas dalam subtopik ini iaitu penulisan oleh Mana Sikana¹⁷ dan penulisan oleh Wan Hasmah Wan Teh.¹⁸ Kedua-dua penulisan ini membincangkan tentang perkembangan sastera. Namun terdapat perbezaan antara dua penulisan ini iaitu penulisan Mana Sikana meneliti perkembangan sastera di Singapura. Manakala Wan Hasmah meneliti perkembangan sastera khususnya karya sastera yang telah melalui proses pengadaptasian dalam bentuk naratif filem Malaysia. Namun begitu, fokus kedua-dua penulisan ini amat berbeza dengan skop kajian penulisan ini iaitu menumpukan kepada perkembangan bahan sastera sebagai sumber naratif bagi filem-filem Melayu dan Malaysia. Selanjutnya, dua penulisan ini dikupas dengan lebih mendalam di bawah.

Makalah yang ditulis oleh Mana Sikana bertajuk ‘*Wajah Sastera Melayu Singapura Selepas Perpisahannya dengan Malaysia*’¹⁹ memberi fokus kepada perkembangan sastera di Singapura selepas perpisahannya dengan Malaysia. Makalah ini mengangkat isu yang bersangkutan dengan kegiatan penulisan wadiah sastera di Singapura selepas menjadi sebuah negara. Hal ini kerana, selepas terpisahnya Singapura dari Malaysia, penulis sastera Singapura harus mempunyai jati diri. Makalah ini mengaplikasikan kajian historikal dengan menggumpul data-data perpustakaan yang terdiri dari

bahan-bahan cetakan dan digital. Makalah ini merakamkan dapatan iaitu di peringkat awal, penulisan sastera di Singapura terhenti seketika. Walau bagaimanapun, penulis-penulis Singapura muda bangkit dan mula mencari identiti sendiri dan akhirnya berjaya mendirikan bentuk sasteranya yang tersendiri.

Sebuah makalah oleh Wan Hasmah Wan Teh berjudul '*The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall*'²⁰ menelusuri sejarah filem adaptasi amnya di Tanah Melayu dan Malaysia. Makalah ini bersandarkan kepada kajian historikal dan data-data daripada kajian kepustakaan. Dapatan kajian mendapati sejarah filem adaptasi di Malaysia melalui liku-liku perjalanan yang panjang bermula pada tahun 1933 sewaktu zaman perusahaan Cathay Film dan Malay Film di Singapura hingga ke Merdeka Studio di Kuala Lumpur sekitar tahun 1970-an dan seterusnya. Industri filem di Malaysia berdepan dengan pelbagai masalah termasuk lambakan filem import dari Indonesia dan faktor komersialisme yang tidak menjamin keuntungan. Walau bagaimanapun sekitar tahun 2006 usaha mengadaptasi karya sastera ke filem terus diperkasakan melalui bengkel dan pertandingan anjuran badan kerajaan di Malaysia seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Penulisan tentang perkembangan industri filem Malaysia pula dipilih dari tiga penulisan yang ditulis oleh Timothy White,²¹ penulisan bersama oleh Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim dan Faridah Ibrahim²² dan penulisan bersama oleh Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah.²³ Kesemua penulisan ini membahas perkembangan filem Malaysia. Namun, terdapat perbezaan jelas dari segi skop kajian yang ingin dikupas. Penulisan Timothy lebih menjurus ke arah perkembangan industri sinema Melayu/Malaysia dan kesan-kesan pendudukan Jepun terhadap perkembangan sejarah sinema Melayu/Malaysia ini. Penulisan oleh Jamaluddin dan rakan-rakannya memberi fokus kepada transformasi industri filem Malaysia dengan menemu bual pakar-pakar dari industri filem Malaysia. Seterusnya, penulisan oleh Fatimah dan Afifah pula menjurus kepada perkembangan industri filem nasional Malaysia yang bertitik tolak dari kumpulan tenaga kreatif dalam industri filem Melayu dan seterusnya berkembang membentuk industri filem nasional Malaysia. Tiga buah penulisan ini diperincikan seperti di bawah.

Penulisan oleh Timothy White yang bertajuk '*Historical Poetics, Malaysian Cinema, and the Japanese Occupation*'²⁴ menelusuri sejarah sinema Malaysia dari era kegemilangannya (Golden Age) hingga sinema Malaysia terkini pada tahun 1990-an. Permasalahan yang diangkat dalam penulisan ini adalah kurangnya penulisan mengenai sejarah sinema Malaysia ditulis khususnya penulisan dalam bahasa Inggeris. Penulisan ini bersandarkan historikal dengan kaedah perpustakaan. Data-data yang dikumpulkan adalah dari akhbar, buku dan filem-filem dari zaman kegemilangan filem Melayu hingga filem-filem Malaysia tahun 1990-an. Timothy membahagikan penulisan ini kepada tiga sub-topik yang membincangkan tentang; pertama, sisi pandangan baharu untuk membahaskan sinema negara dunia ketiga, kedua, menelusuri sejarah sinema Malaysia berdasarkan pendekatan *historical poetics* dan ketiga, pendudukan Jepun serta pengaruhnya terhadap sinema Malaysia.

Makalah yang ditulis oleh Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim dan Faridah Ibrahim bertajuk '*Malaysian film industry in transformation: Challenges and potential*'²⁵ membincangkan cabaran-cabaran dan potensi industri filem Malaysia daripada sudut pandang pemain industri iaitu pembikin dan juga penerbit filem. Makalah ini menggunakan kaedah temu bual dengan menemu bual 10 orang pengamal industri terdiri daripada pembikin dan penerbit filem. Makalah ini mendapati terdapat cabaran yang dihadapi oleh industri perfileman Malaysia untuk mempromosikan filem tempatan ke luar negara. Maka pihak kerajaan telah membantu dari aspek mempromosikan filem tempatan ke pasaran luar negara.

Artikel oleh Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah yang bertajuk *'Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933-1989)*'²⁶ menelusuri perkembangan industri filem nasional Malaysia dari tahun 1933 hingga 1989. Perkembangan ini bermula semasa era filem Melayu dan berkembang dalam era filem Malaysia. Permasalahan yang diangkat dalam artikel ini kurangnya penulisan tentang perkembangan industri filem nasional Malaysia. Maka artikel ini bertujuan menerangkan pembentukan industri filem nasional Malaysia dari aspek penerbit, pengarah dan tenaga kreatif berdasarkan kerangka model oleh Sarah Street.²⁷ Data artikel ini diperoleh bersandarkan kajian penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif. Pendekatan sejarah diaplikasikan bagi meneliti sumber-sumber seperti surat khabar, artikel jurnal, buku, tesis dan filem. Dapatan artikel ini adalah, industri filem nasional Malaysia berkembang secara berperingkat dan pembentukannya tidak sama seperti di Britain yang dimulai dengan kemunculan penerbit, pengarah serta diikuti oleh tenaga kreatif tempatan. Ia bermula dengan kemunculan tenaga kreatif dan pengarah filem pada era filem Melayu terlebih dahulu, sebelum kemunculan penerbit filem pada era filem Malaysia pada tahun 1970-an.

Bahan Sastera Sebagai Naratif Penceritaan dan Pementasan

Lima buah penulisan dikupas dalam subtopik ini. Lima buah penulisan ini ditulis oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md. Salleh Yaapar,²⁸ Mohamad Azmi Bin Ab. Rahman dan Phat Awang Deng,²⁹ Norfaizah Ghazali dan Zulkifli Mohamad,³⁰ Rahimah Hamdan³¹ dan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali dan Phat Awang Deng.³² Penulisan-penulisan ini terdiri daripada makalah, jurnal dan artikel yang berbentuk digital.

Terdapat persamaan dan perbezaan yang nyata antara lima buah penulisan ini. Persamaannya dalam aspek meneliti produk sastera samada dalam bentuk filem dan naskah sastera. Perbezaan penulisan-penulisan ini adalah dari aspek pemilihan sampel filem dan drama yang telah melalui proses adaptasi serta pemilihan naskah sastera untuk dijadikan teks pilihan untuk analisa. Penulisan Mohamed Nazreen dan rakan penulisnya memilih naskah dan filem Hikayat Merong Mahawangsa bagi tujuan analisis. Manakala, Mohamad Azmi menjurus kepada pencarian persamaan dan perbezaan antara novel dan filem yang telah diadaptasi dari novel tersebut. Perbezaan penulisan oleh Norfaizah pula adalah skop kajian yang meneliti kepada pengaruh budaya dalam drama Melayu. Seterusnya, penulisan oleh Rahimah meneliti teks Hikayat Hang Tuah bagi mencari nilai kebahagiaan perwira tersebut. Terakhir, penulisan oleh Mohamed Nazreen dan rakan penulisnya yang menjurus kepada karya sastera sebagai produk budaya dan mereka menelitinya dalam filem Hikayat Merong Mahawangsa dan e-komik Hikayat Patani. Kesemua penulisan-penulisan ini amat berbeza dengan skop kajian ini iaitu menekankan kepada genre sastera yang telah diangkat sebagai naratif filem semasa era filem Melayu dan terus berkembang dalam era filem Malaysia sehingga kini, tahun 2024. Perbincangan terperinci lima penulisan ini diterangkan di bawah.

Penulisan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md. Salleh Yaapar berjudul *'Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif'*³³ membandingkan filem dengan teks Hikayat Merong Mahawangsa. Penulis mencari persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bentuk medium ini. Selain itu, penulis turut menganalisis bentuk dan kaedah adaptasi yang dilakukan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Kajian ini mengaplikasikan teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes.³⁴ Penulis juga mengaplikasikan kaedah perpustakaan, temu bual dan analisis tekstual. Dapatan kajian menemukan bahawa penulis skrip dan pengarah filem telah menggunakan bentuk adaptasi longgar iaitu mengubah atau mengolah semula sebahagian besar unsur yang terdapat dalam teks asal. Malah, terdapat penambahan dan pengurangan yang dilakukan oleh penulis skrip dan pengarah filem. Ia dilakukan bagi kesesuaian jalan cerita

dalam filem Hikayat Merong Mahawangsa yang umumnya menarik dan berkesan. Selain daripada itu, unsur logik telah mendominasi karya filem berbanding teks asal yang penuh dengan unsur mitos dan legenda.

Makalah bertajuk *'Mencari Titik Persamaan Dan Perbezaan Dalam Novel Dan Filem Popular Melayu'*³⁵ yang ditulis oleh Mohamad Azmi Bin Ab. Rahman dan Phat Awang Deng menyingkap persamaan dan perbezaan antara novel popular iaitu Ombak Rindu dan filem yang telah dihasilkan. Makalah ini mempersoalkan tentang persamaan dan perbezaan dari aspek tema dan persoalan dalam dua genre kreatif ini iaitu novel dan filem Ombak Rindu. Makalah ini mengaplikasikan pendekatan ciri adaptasi dari aspek pengekal, pengguguran dan pertambahan. Berdasarkan analisis teks terhadap karya novel dan filem, makalah ini merakamkan bahawa, terdapat unsur pengekal, pengguguran dan penambahan yang diaplikasikan menerusi filem Ombak Rindu dari sudut naratif, watak, dialog dan latar. Walaupun begitu, tema dan persoalan cinta yang terdapat dalam novel diangkat dalam filem Ombak Rindu.

Makalah berjudul *'Pengaruh Budaya Dalam Drama Bisikan Malaya'*³⁶ yang ditulis oleh Norfaizah Ghazali dan Zulkifli Mohamad membincangkan tentang cerminan budaya Melayu menerusi pengarang-pengarang drama yang memaparkan pengaruh budaya luar dari aspek sosial, ekonomi serta politik. Permasalahan yang diutarakan adalah pengaruh-pengaruh luar telah mempengaruhi corak drama yang berlatar belakangkan dunia model tahun 1990-an sehingga 2017, dan seterusnya membentuk cerminan masyarakat yang dapat diperhatikan dalam masyarakat kini. Makalah ini mengaplikasikan kaedah pengumpulan data dari bahan-bahan yang diperoleh dari perpustakaan. Makalah ini turut mengaplikasikan pendekatan sosiologi dari aspek sosial, ekonomi, dan politik bagi meneliti teks drama Bisikan Malaya. Makalah ini menyimpulkan bahawa, terdapat kecenderungan pengarang-pengarang dalam menghasilkan karya sastera dengan meneliti dan menghayati nilai kemasyarakatan yang terpengaruh dengan budaya lain yang telah berasimilasi ke dalam budaya Melayu rantau ini. Selain daripada itu, sifat keterbukaan dan penerimaan masyarakat Melayu terhadap budaya masyarakat lain sudah diamalkan dari dahulu lagi asal ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Maka, budaya-budaya yang wujud dalam drama Melayu adalah datangnya dari kepelbagaian budaya yang hadirnya dari budaya luar dan hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Artikel jurnal tulisan Rahimah Hamdan yang berjudul *'Hang Tuah Tidak Bahagia? Mencari Kebahagiaan Dalam Diri Wira Melayu'*³⁷ membahaskan tentang kebahagiaan perwira Melayu Melaka iaitu Hang Tuah dari aspek kerohanian dan juga spiritual. Rahimah membuat satu hipotesis bahawa, Hang Tuah tidak menemui kebahagiaan spiritual melainkan kebahagiaan psikologikal semata. Sehubungan dengan itu, berdasarkan hipotesis di atas, Rahimah ingin mengenalpasti kebahagiaan yang ditemui dan dicari oleh Hang Tuah menerusi teks Hikayat Hang Tuah susunan Kasim Ahmad.³⁸ Artikel Rahimah menerapkan perspektif kebahagiaan Islam menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas.³⁹ Dapatan kajian Rahimah membuktikan bahawa Hang Tuah tidak menemui keseimbangan dalam pencarian kebahagiaan (sa'adah) duniawi dan akhirat. Maka tidak hairanlah jika wira tersohor ini pada akhir hayatnya ditemui menjalani kehidupan sebagai ketua puak orang asli (sakai) yang menduduki strata terbawah masyarakat jauh daripada sebarang pembangunan dunia dan akhirat.

Sebuah makalah yang ditulis oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali dan Phat Awang Deng bertajuk *'Karya Sastera Sebagai Produk Budaya: Definisi Konsep, Penghasilan dan Cabaran'*⁴⁰ mengangkat persoalan tentang kurangnya perbincangan tentang karya sastera yang menjadi salah satu produk budaya, dan berpotensi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan produk budaya dalam tiga skop utama iaitu, definisi konsep, penghasilan dan cabaran. Tiga skop ini diteliti kepada karya sastera yang diangkat sebagai filem iaitu Hikayat Merong Mahawangsa dan e-komik iaitu Hikayat Patani. Kajian

ini adalah bersandarkan kaedah perpustakaan. Dapatan makalah ini merakamkan bahawa, kajian dan perbincangan mengenai produk sastera berasaskan karya sastera masih diperingkat awal dan kajian sebegini perlu dipergiatkan.

Metodologi Kajian

Artikel ini bersandarkan data daripada penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif, dan pendekatan historikal sebagai kerangkanya. Kajian ini mengaplikasi kaedah analisis kandungan bagi meneliti bahan dalam bentuk cetak serta digital. Bahan utama adalah filem-filem sastera Melayu untuk memperoleh data berhubung naratif sastera dalam filem-filem Melayu, selain laman web FINAS, surat khabar dan dokumentasi ilmiah yang lepas turut diambil sebagai data-data kajian ini.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Bahan sastera dari pelbagai genre telah diangkat untuk dijadikan naratif filem Melayu sejak pertengahan kedua tahun 1950-an. Karya-karya sastera Melayu telah mula diadaptasi sebagai naratif filem semasa era kegemilangan filem Melayu atau *Golden Age* antara tahun 1950-an hingga 1960-an^[41] di Singapura. Pada peringkat awal genre hikayat dan legenda menjadi bahan pertama untuk diangkat sebagai naratif filem Melayu, selain sastera lisan dan cerita rakyat. Manakala genre novel Melayu hanya mula diangkat sebagai subjek filem Melayu pada tahun 1958.

Studio Merdeka mula beroperasi di Kuala Lumpur pada tahun 1961 ketika tenaga kerja kreatif industri filem Melayu berhadapan dengan pelbagai masalah dengan pengusaha industri ini di Singapura.⁴² Kemudiannya pembikinan dan penerbitan filem di Studio Merdeka juga mula mengalami kemerosotan pada tahun 1974 disebabkan faktor kewangan, kelengkapan perfileman dan saingan dengan filem-filem luar seperti Hong Kong, India dan Indonesia.⁴³ Namun, pada tahun 1980-an, industri filem Melayu bangkit kembali dan menyaksikan pembikinan beberapa filem Melayu bersumberkan bahan sastera Melayu. Bermula dekad 1980-an novel-novel Melayu amat rancak diadaptasi ke dalam bentuk filem Melayu antaranya adalah filem Langit Petang⁴⁴ dan Ranjau Sepanjang Jalan.⁴⁵ Filem-filem yang diadaptasi dari novel Melayu juga cenderung menerima pengiktirafan pada Festival Filem Malaysia.⁴⁶

Adaptasi genre sastera samada hikayat, legenda, mitos dan novel dalam filem Melayu/Malaysia terus dihasilkan pada tahun 2000 hingga 2023. Namun begitu, jumlahnya amat kecil jika dibandingkan semasa era kegemilangan filem Melayu dan semasa tahun 1980-an. Penerimaan khalayak terhadap filem-filem adaptasi dari bahan-bahan sastera Melayu adalah baik dan ada juga yang kurang mendapat perhatian. Sesetengah filem menerima sambutan yang baik seperti mana pengiktirafan yang diterima oleh sumber karya sasteranya. Pada masa yang sama terdapat juga filem-filem adaptasi ini yang gagal meraih apa-apa anugerah atau pengiktirafan, dan menambat hati khalayak tempatan, walaupun sumber bahan sasteranya terkenal dan dihasilkan oleh sasterawan negara. Oleh yang demikian untuk mengupas butiran tentang bahan sastera sebagai subjek adaptasi filem Melayu secara terperinci, perbincangan seterusnya dibahagikan mengikut genre sastera dan kronologi penghasilan filem adaptasi berkenaan.

Genre Sastera Hikayat sebagai Naratif Filem Melayu

Terdapat sembilan buah filem bergenre hikayat sastera Melayu yang diangkat sebagai naratif filem Melayu sejak tahun 1956 sehingga 2021. Daripada sembilan buah filem tersebut, hanya empat buah filem diarahkan oleh pengarah luar yang datang dari negara India. Selebihnya, filem-filem hikayat ini

diarahkan oleh warga tempatan.

Tiga orang pengarah dari India telah mengarahkan filem bergenre hikayat sastera Melayu. Tiga orang tersebut adalah, Phani Majumdar mengarahkan filem *Hang Tuah*,⁴⁷ K.M. Basker mengarahkan dua buah filem hikayat termasuklah filem *Sultan Mahmood Mangkat Dijulang*⁴⁸ dan seorang lagi adalah L. Krishnan mengarahkan filem berjudul *Tun Tjih*.⁴⁹

Terdapat juga genre sastera hikayat Melayu yang diarahkan oleh pengarah Melayu tempatan. Pengarah-pengarah Melayu tersebut adalah Hussein Hanif, Salleh Ghani, Anwardi Jamil, dan Yusry Abdul Halim. Masing-masing mengarahkan filem yang diambil dari kisah hikayat Melayu antaranya *Hang Jebat*,⁵⁰ *Dang Anum*⁵¹ dan *Tun Fatimah*.⁵²

Pada tahun 2011, Yusry Abdul Halim telah mengarahkan sebuah filem hikayat berjudul *Hikayat Merong Mahawangsa*.⁵³ Filem ini mengaplikasikan teknik kesan khas visual yang dikenali sebagai *computer-generated imagery* (CGI). Walaupun filem *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan sebuah filem adaptasi sastera hikayat, namun terdapat proses pengguguran, pengekalan dan penambahan dilakukan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*.⁵⁴ Proses ini dilakukan bagi membina jalan cerita dalam naratif filem dan memberi kefahaman kepada penonton. Amatlah sukar untuk memuatkan keseluruhan teks hikayat dalam filem yang hanya berdurasi 120 minit. Oleh itu, hanya bab tertentu dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dipilih untuk diangkat sebagai naratif filem tersebut.

Genre Sastera Lisan/Cerita Rakyat dan Legenda

Genre sastera lisan, cerita rakyat dan legenda merupakan antara bahan sastera yang diadaptasi dalam filem Melayu/Malaysia. Dengan kejayaan filem *Hang Tuah*⁵⁵ yang diproduksi oleh syarikat *Malay Film Productions*, syarikat perfileman yang lain turut mengikut langkah yang sama. Pada tahun 1959, sebuah filem dari sastera lisan atau cerita rakyat telah diterbitkan iaitu filem *Batu Belah Batu Bertangkup* yang diedarkan oleh *Shaw Brothers*. Berbeza dengan filem *Hang Tuah* yang diarahkan oleh warga India dari India, filem *Batu Belah Batu Bertangkup* diarahkan oleh pengarah filem tempatan iaitu Jamil Sulong.

Pada tahun 1959, sebuah lagi filem yang diangkat dari sastera lisan dihasilkan iaitu *Mahsuri*. Filem *Mahsuri* diangkat dari cerita rakyat Melayu tentang seorang wanita baik bernama Mahsuri yang telah difitnah. Lalu, Mahsuri telah mengenakan satu sumpah ke atas Langkawi iaitu Langkawi disumpah menjadi padang jarak padang terkukur selama tujuh keturunan. *Mahsuri*⁵⁶ diarahkan oleh B.N. Rao dan diedarkan oleh *Cathay-Keris Film Productions*. Filem *Mahsuri* ini meraih Anugerah Khas Juri-Gambaran Cerita Terbaik Rakyat dalam Festival Filem Asia Pasifik yang ke-6.⁵⁷

Dari tahun 1959 hingga 1968 sejumlah tujuh buah filem dari genre sastera lisan atau sastera rakyat telah dihasilkan. Enam buah filem telah diarahkan oleh pengarah filem tempatan, manakala, sebuah filem diarahkan oleh orang luar dari India. Antara pengarah Melayu yang mengarah sastera lisan adalah S. Romai Noor, P. Ramlee dan Jamil Sulong. S. Romai Noor mengarahkan filem berjudul *Bawang Putih Bawang Merah*⁵⁸ dan *Badang*,⁵⁹ P. Ramlee mengarahkan filem berjudul *Nujum Pak Belalang*⁶⁰ manakala Jamil Sulong mengarahkan filem berjudul *Batu Belah Batu Bertangkup*,⁶¹ *Si Tanggung*⁶² dan *Raja Bersiong*.⁶³ Antara kesemua filem di atas, filem *Nujum Pak Belalang*⁶⁴ menerima anugerah Filem Komedi Terbaik pada Festival Filem Asia Pasifik ke-7.⁶⁵

Sebuah lagi filem adaptasi dari sastera lisan adalah filem berjudul *Siti Zubaidah*⁶⁶ dan filem ini diarahkan oleh B. N. Rao. Filem ini diangkat dari *Syair Siti Zubaidah Perang Cina* dan turut memenangi anugerah Khas Juri untuk lagu asli dan tarian terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-9.

Lagenda tempatan juga turut dijadikan naratif filem Melayu/Malaysia. Setakat tahun 2023, empat buah filem telah dihasilkan berdasarkan lagenda Melayu. Dua lagenda yang telah diangkat dan difilemkan sebanyak dua kali adalah lagenda Mahsuri dan lagenda Puteri Gunung Ledang. Lagenda Mahsuri difilemkan pada tahun 1959 dan tahun 1989. Kali pertama ianya difilemkan adalah semasa era kegemilangan filem Melayu yang berpusat di Singapura. Kali kedua, lagenda ini difilemkan di Kuala Lumpur di bawah sebuah syarikat perfileman di Kuala Lumpur iaitu Mahsuri Film Sdn. Bhd. Filem lagenda ini berjudul *Sumpah Mahsuri*⁶⁷ yang diarahkan oleh Jamil Sulong.

Filem lagenda Puteri Gunung Ledang pula diterbitkan pada tahun 1961 dan keduanya ada tahun 2004. Kali pertama lagenda ini diadaptasi ke dalam bentuk filem adalah semasa era kegemilangan filem Melayu. Filem Puteri Gunung Ledang yang pertama telah diarahkan oleh S. Romai Noor di bawah syarikat *Cathay-Keris Film Productions*. Manakala, penerbitan filem ini pada kali kedua pula adalah pada tahun 2004. Filem ini diarahkan oleh Saw Teong Hin dan diterbitkan oleh syarikat filem bernama *Enfiniti Productions*. Filem lagenda *Puteri Gunung Ledang*⁶⁸ ini telah memenangi pelbagai anugerah dalam dan luar negara antaranya adalah pada Festival Filem Malaysia ke-18, Festival Filem Asia Pasifik ke-50 dan Festival Filem Antarabangsa Venice ke-61.⁶⁹

Filem Adaptasi dari Genre Novel

Sastera genre novel adalah antara pilihan paling popular untuk diangkat sebagai naratif filem Melayu/Malaysia. Genre novel telah dijadikan sumber naratif bagi filem Melayu sejak era kegemilangan filem Melayu, diikuti pada era kebangkitan filem Melayu/Malaysia (1980-an) dan diteruskan pada abad ke-21 hingga tahun 2023.

Semasa era kegemilangan filem Melayu, filem *Cinta Gadis Rimba*⁷⁰ yang bersumberkan karya Harun Aminurrashid, menjadi penanda genre novel diangkat sebagai naratif filem Melayu. Filem ini diterbitkan oleh Ho Ah Loke dan diarahkan oleh Dato L. Krishnan. Selanjutnya, beberapa lagi filem Melayu telah dibikin dengan bersumberkan novel-novel Melayu seperti *Rumah Itu Dunia Aku*⁷¹ dari novel oleh Hamzah Hussin, *Bukan Salah Ibu Mengandung*⁷² berdasarkan novel *Memang Nasib Celaka Badan* karya Harun Hassan dan *Kalau Berpaut Di Dahan Rapuh*⁷³ bersumberkan novel tulisan Alias Ali.⁷⁴

Semasa era kebangkitan filem Melayu/Malaysia, iaitu awal dekat 1980-an hingga 1990-an, filem dari genre novel telah diadaptasi dengan lebih sempurna. Hal ini bermakna novel bukan sekadar untuk memperolehi idea kasar untuk dijadikan naratif filem Melayu. Antara novel terawal yang diadaptasi ke dalam filem pada tahun 1980 adalah novel *Langit Petang* dan nama sama turut digunakan dalam filem yang dihasilkan. *Langit Petang*⁷⁵ diangkat dari novel sasterawan negara iaitu A. Samad Said. Lebih kurang satu tahun kemudian, sebuah lagi novel karya sasterawan negara, Shahnun Ahmad turut diadaptasi dalam bentuk filem. Novel yang dihasilkan pada tahun 1966 diterbitkan sebagai filem pada tahun 1983 dengan judul sama iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan*. Filem ini mengisahkan tentang petani kecil yang berpegang kepada adat tradisi lama dan menolak kaedah model yang digunakan untuk bertani⁷⁶ Pada tahun 1990, novel *Mira Edora* telah difilemkan dengan mengekalkan tajuk novel tersebut. Pada tahun 1997 pula, U-Wei Hj Shaari mengadaptasi novel *Juara*⁷⁷ dengan menukar tajuk filem ke dialek Kelantan iaitu *Jogho*.

Pada alaf ke-21 hingga 2023, beberapa lagi novel telah diadaptasi ke dalam bentuk filem. Filem *Ombak Rindu*⁷⁸ yang diadaptasi dari novel *Ombak Rindu* telah menjadi satu fenomena pada tahun 2011 dengan kutipan tiket pecah panggung dan beberapa kali novel tersebut diulang cetak.⁷⁹ Selanjutnya, novel dan filem dengan tajuk sama iaitu, *Tombiruo: Penunggu Rimba* telah ditayangkan pada tahun 2017. Terkini, pada tahun 2024, sebuah lagi novel karya sasterawan negara iaitu Abdullah Hussain telah difilemkan, juga dengan tajuk sama iaitu *Imam*.⁸⁰

Kesimpulan

Filem Melayu mempunyai hubungan yang lama dengan sastera Melayu. Hubungan antara karya sastera Melayu dan filem Melayu telah bermula sejak tahun 1956 melalui filem *Hang Tuah*, manakala yang terkini adalah filem *Imam* yang ditayangkan pada tahun 2023. Bahan sastera telah diadaptasi dalam filem Melayu sejak era Studio Jalan Ampas oleh pengarah-pengarah dari negara India. Apabila pengarah-pengarah Melayu mula mengarah filem di Singapura, bahan-bahan sastera Melayu semakin mendapat perhatian dan dijadikan naratif filem tempatan. Selain peranan pengarah Melayu tempatan, pengiktirafan dan penerimaan khalayak terhadap filem adaptasi dari bahan sastera tempatan menjadi faktor penting dalam peningkatan bilangan filem-filem adaptasi ini. Filem-filem adaptasi dari bahan sastera ini cenderung meraih pengiktirafan di festival-festival filem dalam dan luar negara. Bahan-bahan sastera yang diangkat sebagai naratif filem Melayu terbahagi kepada beberapa genre utama, iaitu sastera lisan/rakyat, legenda dan sejarah serta novel. Filem-filem Melayu yang diadaptasi dari karya novel popular pula cenderung memperolehi kutipan pecah panggung, dan novelnya pula diulang cetak atas permintaan khalayak.

Nota

¹ *Hang Tuah* arahan Phani Majumdar (1956; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/zF_LwF9GO1s?feature=shared.

² Ibid.

³ *The Great Train Robbery*, arahan Porter, E.S (1903; New York: Edison Manufacturing Company), Youtube. <https://youtu.be/y3jrB5ANUUY?feature=shared>.

⁴ *Dream of a Roberit Fiend* arahan Porter, E.S (1906; New York: Edison Manufacturing Company), Youtube. <https://youtu.be/07EPQSVWVWYQ?feature=shared>.

⁵ Wan Hasmah Wan Teh. 2018. "The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall", *Malay Literature* 31(2), 361 – 382. <http://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/3823/1475>.

⁶ Fatimah Muhd Shukri, Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2020. "Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933 – 1989)", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (2), 126-148. <http://journalarticle.ukm.my/16864/1/41437-132491-1-SM.pdf>.

⁷ *Hang Tuah* arahan Phani Majumdar. (1956; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/zF_LwF9GO1s?feature=shared.

⁸ Rahimah Hamdan. 2017. "Hang Tuah Tidak Bahagia? Mencari Kebahagiaan Dalam Diri Wira Melayu", *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang* Volume 2, 45- 6. <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/319>.

⁹ Hikayat *Hang Tuah* dipercayai mula ditulis sekitar kurun ke-17 dan manuskrip lengkap selesai sekitar tahun 1849 dan disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia.

¹⁰ *Selendang Delima* arahan K.M Basker (1958; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/5ITacuosKAc?feature=shared>.

¹¹ *Sultan Mahmood Mangkat Dijulang* arahan K.M Basker (1961; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. https://youtu.be/kAaeT8M_iiY?feature=shared.

¹² *Dang Anom* arahan Hussein Hanif (1962; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/joq-IrbyhUE?feature=shared>.

¹³ *Tun Fatimah* arahan Salleh Ghani (1962; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/vsFjKVGJMFQ?feature=shared>.

¹⁴ Shahnnon Ahmad. 1966. *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

- ¹⁵ *Ranjau Sepanjang Jalan* arahan Jamil Sulong (1983; Kuala Lumpur: Kay-Sarimah Film Sdn. Bhd), Laman Sesawang. <https://www.allmovie.com/movie/ranjau-sepanjang-jalan-vm78019/cast-crew>.
- ¹⁶ Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. 2023. “Data Pemenang Festival Filem Malaysia (FFM)”, <https://www.finas.gov.my/wp-content/uploads/2018/03/DATA-PEMENANG-FESTIVAL-FILEM-MALAYSIA-1.pdf>.
- ¹⁷ Mana Sikana. 2009. “Wajah Sastera Melayu Singapura Selepas Perpisahan dengan Malaysia”, *Sari International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2), 27-57. http://www.ukm.my/sari/images/stories/SariOnline/Journal/27_2/sari_27_2_2.pdf.
- ¹⁸ Wan Hasmah Wan Teh. 2018. “The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall”, *Malay Literature* 31(2), 361-382. <http://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/3823/1475>.
- ¹⁹ Mana Sikana. 2009. “Wajah Sastera Melayu Singapura Selepas Perpisahan dengan Malaysia”, *Sari International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2), 27-57. http://www.ukm.my/sari/images/stories/SariOnline/Journal/27_2/sari_27_2_2.pdf.
- ²⁰ Wan Hasmah Wan Teh. 2018. “The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall”, *Malay Literature* 31(2), 361-382. <http://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/3823/1475>.
- ²¹ White, Timothy. 1996. “Historical Poetics, Malaysian Cinema, and the Japanese Occupation”, *Issue of KINEMA* <https://openjournals.uwaterloo.ca/index.php/kinema/article/view/822/734>.
- ²² Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim dan Faridah Ibrahim. 2014. Malaysian film industry in transformation: Challenges and potential’, *Jurnal Komunikasi* 30 (1), 37-51.
- ²³ Fatimah Muhd Shukri, Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2020. “Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933 – 1989)”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (2), 126-148.
- ²⁴ White, Timothy. 1996. “Historical Poetics, Malaysian Cinema, and the Japanese Occupation”, *Issue of KINEMA* <https://openjournals.uwaterloo.ca/index.php/kinema/article/view/822/734>.
- ²⁵ Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim dan Faridah Ibrahim. 2014. Malaysian film industry in transformation: Challenges and potential’, *Jurnal Komunikasi* 30 (1), 37-51.
- ²⁶ Fatimah Muhd Shukri, Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2020. “Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933 – 1989)”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (2), 126-148. <http://journalarticle.ukm.my/16864/1/41437-132491-1-SM.pdf>.
- ²⁷ Street, S, 1997. *British National Cinema*. New York: Taylor & Francis.
- ²⁸ Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar. 2015. “Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif”, *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil. 2, 201-223, <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4488>.
- ²⁹ Mohamad Azmi Ab. Rahman, Phat Awang Deng. 2016. “Mencari Titik Persamaan Dan Perbezaan Dalam Novel Dan Filem Popular Melayu”, International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/317080518_MENCARI_TITIK_PERSAMAAN_DAN_PERBEZAAN_DALAM_NOVEL_DAN_FILEM_POPULAR_MELAYU.
- ³⁰ Norfaizah Ghazali, Zulkifli Mohamad. 2017. “Pengaruh Budaya Dalam Drama Bisikan Malaya”, *Jurnal Kesidang Journal Of Kesidang* Volume 2, 1-17. <http://Www.Kuim.Edu.My/Journal/Index.Php/Jk/Article/View/316/272>.
- ³¹ Rahimah Hamdan. 2017. “Hang Tuah Tidak Bahagia? Mencari Kebahagiaan Dalam Diri Wira Melayu”, *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang* Volume 2, 45- 61 <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/319>.

³² Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali, Phat Awang Deng. 2021. "Karya Sastra Sebagai Produk Budaya: Definisi Konsep, Penghasilan Dan Cabaran", E-Proceedings Of Extended Abstracts The 1st International Symposium On Cultural Heritage (ISyCH), 19-24. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/2926/1/e proceeding%20isych%202021.pdf#page=29>.

³³ Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar. 2015. "Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif", *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil. 2, 201-223, <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4488>.

³⁴ Desmond, J.M dan Hawkes, P. 2006. *Adaptation: Studying Film and Literature*. New York: McGraw Hill.

³⁵ Mohamad Azmi Ab. Rahman, Phat Awang Deng. 2016. "Mencari Titik Persamaan Dan Perbezaan Dalam Novel Dan Filem Popular Melayu", International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/317080518_MENCARI_TITIK_PERSAMAAN_DAN_PERBEZAAN_DALAM_NOVEL_DAN_FILEM_POPULAR_MELAYU.

³⁶ Norfaizah Ghazali, Zulkifli Mohamad. 2017. "Pengaruh Budaya Dalam Drama Bisikan Malaya", *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang* Volume 2, 1-17. <http://Www.Kuim.Edu.My/Journal/Index.Php/Jk/Article/View/316/272>.

³⁷ Rahimah Hamdan. 2017. "Hang Tuah Tidak Bahagia? Mencari Kebahagiaan Dalam Diri Wira Melayu", *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang* Volume 2, 45- 61 <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/319>.

³⁸ Kassim Ahmad. 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

³⁹ Al Attas, Syed Naquib. 1993. *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

⁴⁰ Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali, Phat Awang Deng. 2021. "Karya Sastra Sebagai Produk Budaya: Definisi Konsep, Penghasilan Dan Cabaran", E-Proceedings Of Extended Abstracts The 1st International Symposium On Cultural Heritage (ISyCH), 19-24. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/2926/1/e proceeding%20isych%202021.pdf#page=29>.

⁴¹ White, Timothy. 1996. "Historical Poetics, Malaysian Cinema, and the Japanese Occupation", *Issue of KINEMA* <https://openjournals.uwaterloo.ca/index.php/kinema/article/view/822/734>.

⁴² Hatta Azad Khan. 1997. *The Malay Cinema*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ *Langit Petang* arahan Shahrom Mohd Dom (1982; Kuala Lumpur: Syed Kechik Film Productions).

⁴⁵ *Ranjau Sepanjang Jalan* arahan Jamil Sulong (1983; Kuala Lumpur: Kay-Sarimah Film Sdn. Bhd.), Laman Sesawang. <https://www.allmovie.com/movie/ranjau-sepanjang-jalan-vm78019/cast-crew>.

⁴⁶ Wan Hasmah Wan Teh. 2018. "The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall", *Malay Literature* 31(2), 361 – 382. <http://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/3823/1475>.

⁴⁷ *Hang Tuah* arahan Phani Majumdar (1956; Jalan Ampas:Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/zF_LwF9GO1s?feature=shared.

⁴⁸ *Sultan Mahmood Mangkat Dijulang* arahan K.M Basker (1961; East acoast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. https://youtu.be/kAaeT8M_iiY?feature=shared.

⁴⁹ *Tun Tjiah* arahan L. Krishnan (1961; Selangor: Studio Merdeka).

⁵⁰ *Hang Jebat* arahan Hussein Hanif (1961; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/wsC6p3poLYw?feature=shared>.

⁵¹ *Dang Anom* arahan Hussein Hanif (1962; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/joq-IrbyhUE?feature=shared>.

⁵² *Tun Fatimah* arahan Salleh Ghani (1962; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/vsFjKVGJMFQ?feature=shared>.

- ⁵³ *Hikayat Merong Mahawangsa* arahan Yusry Abdul Halim (2011; Kuala Lumpur: KRU Studios), Youtube. <https://youtu.be/ppLaOXwtg68?feature=shared>.
- ⁵⁴ Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar. 2015. "Adaptation Hikayat Merong Mahawangsa Text to Film: Comparative Analysis of Narrative Elements", *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, [S.l.], v.8, 201-223. <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4488/1318>.
- ⁵⁵ *Hang Tuah* arahan Phani Majumdar (1956; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/zF_LwF9GO1s?feature=shared.
- ⁵⁶ *Sumpahan Mahsuri* arahan B.N Rao (1959; East Coast Road: Cathay Keris Film Production).
- ⁵⁷ Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. 2023. "#Spotlight: Data Pencapaian Filem Cereka Tempatan Di Peringkat Antarabangsa". <https://www.finans.gov.my/wp-content/uploads/2017/11/DATA-SPOTLIGHT-PENCAPAIAN-FILEM-CEREKA-TEMPATAN-DI-PERINGKAT-ANTARABANGSA-1950-SEHINGGA-TERKINI.pdf>.
- ⁵⁸ *Bawang Putih, Bawang Merah* arahan S. Roomai Noor (1959; East Coast Road: Cathay Keris Film Productions), Youtube. <https://youtu.be/ZkK0DAMJaiQ?feature=shared>.
- ⁵⁹ *Badang* arahan S. Roomai Noor (1962; East Coast Road: Cathay Organisation) Youtube. https://youtu.be/BD_8qnvwn-o?feature=shared.
- ⁶⁰ *Nujum Pak Belalang* arahan P. Ramlee (1959; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/bgYx0n_EYOA?feature=shared.
- ⁶¹ *Batu Belah Batu Bertangkup* arahan Jamil Sulong (1959; Jalan Ampas: Malay Film Production), Laman Sesawang. <https://www.dailymotion.com/video/x7zgvvet>.
- ⁶² *Si Tanggah* arahan Jamil Sulong (1961; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/WV_zR6i530I?feature=shared.
- ⁶³ *Raja Bersiong* arahan Jamil Sulong (1968; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. <https://youtu.be/q65tVPaUG0o?feature=shared>.
- ⁶⁴ *Nujum Pak Belalang* arahan P. Ramlee (1959; Jalan Ampas: Malay Film Production), Youtube. https://youtu.be/bgYx0n_EYOA?feature=shared.
- ⁶⁵ Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. 2023. "#Spotlight: Data Pencapaian Filem Cereka Tempatan Di Peringkat Antarabangsa". <https://www.finans.gov.my/wp-content/uploads/2017/11/DATA-SPOTLIGHT-PENCAPAIAN-FILEM-CEREKA-TEMPATAN-DI-PERINGKAT-ANTARABANGSA-1950-SEHINGGA-TERKINI.pdf>.
- ⁶⁶ *Siti Zubaidah* arahan B.N Rao (1961; East Coast Road: Cathay Keris Film Production), Laman Sesawang. <https://www.bilibili.tv/ms/video/4786321028418560?ip=ID,VN,PH,TH>.
- ⁶⁷ *Sumpahan Mahsuri* arahan Jamil Sulong (1989; Selangor: Mahsuri Filem Sdn. Bhd). <https://youtu.be/7GPR02H2zkw?feature=shared>.
- ⁶⁸ *Puteri Gunung Ledang* arahan Saw Teong Hin (2004; Kuala Lumpur: Entiti Productions). Youtube. <https://youtu.be/R4XYK1DsZjk?feature=shared>.
- ⁶⁹ Astro Awani. 2020. "Peluang istimewa untuk tonton semula filem Puteri Gunung Ledang", 19 November, capaian 22 April 2023. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/peluang-istimewa-untuk-tonton-semula-filem-puteri-gunung-ledang-269149>.
- ⁷⁰ *Cinta Gadis Rimba* arahan L. Krishnan (1958; East coast Road: Cathay Keris Production), Facebook. <https://www.facebook.com/share/v/H2bN2dLuAsJYlpns/?mibextid=w8EBqM>.
- ⁷¹ *Rumah Itu Dunia Aku* arahan M. Amin (1963; East Coast Road: Cathay Keris Film Production).
- ⁷² *Bukan Salah Ibu Mengandung* arahan Jins Shamsuddin (1969; Selangor: Merdeka Film Production).
- ⁷³ *Kalau Berpaut Di Dahan Rapuh* arahan Omar Rojik (1969; Selangor: Merdeka Film Production).
- ⁷⁴ Wan Hasmah Wan Teh. 2018. "The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall", *Malay Literature* 31(2), 361 – 382. <http://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/3823/1475>.

⁷⁵ *Langit Petang* arahan Shahrom Mohd Dom (1982; Kuala Lumpur: Langit Petang. Syed Kechik Film Production). Laman Sesawang. https://www.bilibili.tv/en/video/4789835930010112?bstar_from=bstar-web-ugc-video-detail.related-recommend.all&ip=ID,VN,PH,TH.

⁷⁶ Wan Hasmah Wan Teh. 2018. "The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall", *Malay Literature* 31(2), 361 – 382.

⁷⁷ S. Othman Kelantan. 1976. *Juara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁷⁸ *Ombak Rindu* arahan Osman Ali (2011; Kuala Lumpur: Astro Shaw), Youtube. <https://youtu.be/bNB1TPnhkO0?feature=shared>.

⁷⁹ Mohamad Azmi Ab. Rahman, Phat Awang Deng. 2016. "Mencari Titik Persamaan Dan Perbezaan Dalam Novel Dan Filem Popular Melayu", International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/317080518_MENCARI_TITIK_PERSAMAAN_DAN_PERBEZAAN_DALAM_NOVEL_DAN_FILEM_POPULAR_MELAYU.

⁸⁰ *Imam* arahan Mior Hashim Manap (2023; Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures), Facebook. <https://www.facebook.com/share/v/Hes7ouSyYyL6vDYp/?mibextid=w8EBqM>.

Rujukan

Adil Johan. 2020. "Intercultural Intimacy: Malaysian Popular Music As An Expression Of Social Cohesion (1970s And 1980s)", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (3), 191-213. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/44778/11542>.

Astro Awani. 2020. "Peluang istimewa untuk tonton semula filem Puteri Gunung Ledang", 19 November, capaian 22 April 2023. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/peluang-istimewa-untuk-tonton-semula-filem-puteri-gunung-ledang-269149>.

Fatimah Muhd Shukri, Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2020. "Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933 – 1989)", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (2), 126-148. <http://journalarticle.ukm.my/16864/1/41437-132491-1-SM.pdf>.

Hatta Azad Khan. 1997. *The Malay Cinema*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mana Sikana. 2009. "Wajah Sastera Melayu Singapura Selepas Perpisahan dengan Malaysia" *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2), 27-57. http://www.ukm.my/sari/images/stories/SariOnline/Journal/27_2/sari_27_2_2.pdf.

Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar. 2015. "Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif", *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil. 2, 201-223, <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4488>.

Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali, Phat Awang Deng. 2021. "Karya Sastera Sebagai Produk Budaya: Definisi Konsep, Penghasilan Dan Cabaran", E-Proceedings Of Extended Abstracts The 1st International Symposium On Cultural Heritage (ISyCH), 19-24. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/2926/1/e proceeding%20isych%202021.pdf#page=29>.

Monique Zaini-Lajoubert. 2010. "Karya Sastera Melayu Moden yang Berilhamkan Karya Sastera Melayu Lama", *Jurnal Terjemah Alam dan Tamadun Melayu* 1:2, 113 – 143. <http://www.ukm.my/terjemah/images/terjemah/makalah/AlamTamadun2010007NEW.pdf>.

Norfaizah Ghazali, Zulkifli Mohamad. 2017. "Pengaruh Budaya Dalam Drama Bisikan Malaya", *Jurnal Kesidang Journal Of Kesidang* Volume 2, 1-17. <http://Www.Kuim.Edu.My/Journal/Index/Php/Jk/Article/View/316/272>.

- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. 2023. “#Spotlight: Data Pencapaian Filem Cereka Tempatan Di Peringkat Antarabangsa”. <https://www.finas.gov.my/wp-content/uploads/2017/11/DATA-SPOTLIGHT-PENCAPAIAN-FILEM-CEREKA-TEMPATAN-DI-PERINGKAT-ANTARABANGSA-1950-SEHINGGA-TERKINI.pdf>.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. 2023. “Data Pemenang Festival Filem Malaysia (FFM)”, <https://www.finas.gov.my/wp-content/uploads/2018/03/DATA-PEMENANG-FESTIVAL-FILEM-MALAYSIA-1.pdf>.
- Rahimah Hamdan. 2017. “Hang Tuah Tidak Bahagia? Mencari Kebahagiaan Dalam Diri Wira Melayu”, *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang* Volume 2, 45- 61 <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/319>.
- Wan Hasmah Wan Teh. 2018. “The History Of Film Adaptation In Malaysia: The Long Journey Of Its Rise And Fall”, *Malay Literature* 31(2), 361 – 382. <http://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/3823/1475>.
- White, Timothy. 1996. “Historical Poetics, Malaysian Cinema, and the Japanese Occupation”, *Issue of KINEMA*. <https://openjournals.uwaterloo.ca/index.php/kinema/article/view/822/734>.